

12/11/2000

Multaqa beri panduan perkukuh ummah

Tajuddin Saman

TINDAKAN ganas dan kejam rejim Israel yang terus memburu dan membunuh rakyat Palestin di bumi mereka sendiri mendapat perhatian serius kalangan ulama yang menyertai Multaqa Ulama Malaysia kali kelima berlangsung dua hari yang berakhir 4 November lalu di Kuala Lumpur.

Multaqa anjuran Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim) itu juga merumuskan beberapa perkara utama untuk kepentingan umat Islam. Antaranya termasuk meluahkan perasaan dukacita terhadap Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang meluluskan resolusi terhadap kebiadaban rejim Israel tetapi tidak memberikan sebarang kesan kerana kerap digagalkan oleh kuasa veto Amerika Syarikat.

Yang Dipertua Yadim, Datuk Nakhaie Ahmad berkata, umat Islam seharusnya menginsafi perpecahan sesama sendiri membawa padah buruk kepada mereka. Tidak mustahil, perpecahan juga membawa kehancuran ummah.

Menurutnya, antara sebab umat Islam sering dipermainkan ialah kerana tidak wujud kesatuan ummah di kalangan umat Islam seperti yang diperintahkan oleh Allah.

"Apa yang menjadi keresahan kita sekarang ialah wujudnya kumpulan yang meletakkan kepentingan diri, emosi dan politik melebihi daripada syariat Allah.

Ini melambangkan betapa nipisnya benteng keimanan dan ukhwah di kalangan umat Islam dan betapa longgarnya pegangan dan penghayatan agama yang sepatutnya dipraktikkan terus menerus tanpa sebarang rasa bosan dan jemu. Sesetengah kumpulan melahirkan pemahaman Islam lebih kepada luaran tanpa memahami dan menghayati inti pati Islam." katanya.

Beliau berkata, mereka menekankan konsep yang samar tanpa mengemukakan alternatif yang kukuh untuk dijadikan panduan dan ikutan. Mereka lebih menonjolkan idealistik Islam sebagai ad-din tanpa menyediakan prasarana lengkap yang dapat menjelmakan kesempurnaan ajaran Islam.

Nakhaie berkata yang lebih hipokrit lagi ialah sikap menonjolkan kewarakan seseorang menerusi pakaian walaupun ia disulami dengan kata-kata nista dan fitnah apabila berbicara.

"Sejarah membuktikan perpecahan umat Islam membawa kepada kehancuran ummah dan negara. Justeru, melalui multaqa ulama Malaysia tahun ini diharap dapat menimbulkan kesedaran ulama untuk tampil ke depan bagi menyelesaikan masalah perpaduan ini," katanya.

Multaqa yang dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad itu disertai kalangan ulama Malaysia dan luar negara, termasuk dari Timur Tengah.

Timbalan Yang Dipertua Yadim, Abdul Manaf Ahmad, berkata beberapa perkara penting diberi perhatian dalam multaqa itu dan ia akan dijadikan garis panduan untuk membentuk peribadi ummah yang maju. Antaranya termasuk:

- \* Memahami cabaran era globalisasi yang menuntut penguasaan teknologi perhubungan dan maklumat kerana sebilangan umat Islam masih dangkal dalam memahami tuntutan Islam, khususnya pengurusan pentadbiran keduniaan.

- \* Menjadi satu kenyataan pelaksanaan hukum Islam bukan saja tertumpu kepada hukum yang diistinbatkan daripada nas al-Quran dan Hadis tetapi juga hukum Allah yang terkandung dalam perjalanan alam (Nawamis al-Kaun).

Selain itu, multaqa itu mengambil keputusan untuk melaksanakan beberapa perkara, termasuk menubuhkan jabhah yang berfungsi untuk:

- \* Mengumpul ulama dan cendekiawan dalam satu barisan dengan mengetepikan

semua jurang yang bersifat kelompokan atau ideologi politik.

\* Mengadakan perjumpaan dan perbincangan secara tulus dan telus mengenai ehwal Islam semasa.

\* Mengkaji formula terbaik untuk menangani dan menyelesaikan kemelut perpecahan umat yang melanda masyarakat Islam hari ini.

\* Jabhah ini hendaklah bersifat sebagai jambatan yang menghubungkan di antara ulama dan umarak. Ia akan bertindak sebagai faktor penyatu dalam menghadapi kekecohan yang berlaku dalam masyarakat semasa.

Abdul Manaf berkata antara ketetapan lain yang turut dirumuskan ialah hukum Allah mestilah difahami secara lebih meluas yang merangkumi hukum yang ada dalam 'din-Nya' dan dalam sunah alam-Nya.

Ulama hendaklah lebih bertanggungjawab menegakkan kebenaran yang berasaskan ilmu tanpa dipengaruhi kepentingan tertentu yang boleh menjejaskan prinsip amanah ilmu dan kejujuran sikap.

Bagi menjamin tafsiran yang tepat dalam menjawab persoalan semasa, kalangan ulama wajar menguasai pelbagai bidang ilmu pengetahuan moden, termasuk teknologi perhubungan dan maklumat.

Masyarakat hendaklah berhati-hati dan tidak mudah terpengaruh dengan mereka yang mendakwa diri sebagai ulama dan tidak mudah terjebak dengan slogan agama yang mengelirukan dan boleh membangkitkan sentimen benci membenci sesama Islam.

Masyarakat Islam hendaklah benar-benar menghayati tuntutan al-Quran menegakkan ummah terbaik iaitu ummah yang memiliki kekuatan yang dapat menggerunkan musuh melalui pembinaan kekuasaan politik yang stabil, penguasaan ilmu pengetahuan dinamik, keteguhan ekonomi yang maju dan diasaskan kepada paksi keimanan serta ketakwaan.

Selain itu, jabatan agama Islam negeri hendaklah tampil ke depan secara lebih berkesan memperjelaskan kekeliruan masyarakat mengenai isu semasa, terutama yang membabitkan kepentingan ummah dan agama.

Jawatankuasa Fatwa Persekutuan dan negeri dalam menghadapi isu semasa hendaklah tidak terikat kepada ijtihad ulama terdahulu semata-mata tetapi hendaklah mengambil kira keadaan semasa.

(END)